



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 MAC 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa kes ke-78 yang disahkan positif Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) sebelum ini telah pulih dan dibenarkan discaj. Ini menjadikan 26 kes telah pulih sepenuhnya setakat ini dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad.

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Terkini, KKM ingin memaklumkan bahawa sehingga 11 Mac 2020, jam 12 tengah hari, terdapat 20 kes baharu jangkitan COVID-19 telah dilaporkan. Kontak-kontak rapat bagi kes ini juga sedang dikenal pasti dan aktiviti pengesanan kontak rapat masih sedang dijalankan sehingga punca di mana jangkitan ini terjadi dapat dikenalpasti.

Dengan pertambahan 20 kes baharu ini, menjadikan **jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 149 kes.** Daripada jumlah ini:

- ▣ sebanyak 22 kes dikesan di kalangan *Patient-Under-Investigation* (PUI) jangkitan COVID-19;
- ▣ 124 kes dari kalangan kontak rapat;
- ▣ satu (1) kes dalam kalangan *severe acute respiratory infection* (SARI) melalui surveilans COVID-19; dan
- ▣ dua (2) lagi kes dari Misi Bantuan Kemanusiaan.

Sehingga ini dua (2) kes telah dilaporkan berada di Unit Rawatan Rapi dan memerlukan bantuan alat pernafasan tetapi dalam keadaan stabil. Daripada dua (2) kes ini, satu (1) kes sedang dirawat di Hospital Sungai Buloh, manakala satu (1) kes lagi dirawat di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu.

Di samping itu, KKM juga telah menjalankan surveilan COVID-19 bagi mengesan kes terpencil atau sporadik di Malaysia melalui pesakit *influenza-like-illness* (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (SARI) yang tiada kaitan dengan sejarah perjalanan ke negara-negara yang terjejas atau kontak dengan kes positif COVID-19. Sehingga 9 Mac 2020, sebanyak 600 sampel (138 SARI dan 462 ILI) telah diuji dan setakat ini satu (1) sampel dikesan positif jangkitan COVID-19. Siasatan masih sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca jangkitan kes sporadik ini.

KKM juga ingin memaklumkan bahawa semua 66 rakyat Malaysia dan ahli keluarga yang dibawa pulang dari Wuhan, China melalui Misi Bantuan Kemanusiaan pada 26 Februari 2020, boleh dibenarkan pulang ke rumah masing-masing setelah menamatkan tempoh pemantauan di Pusat Pengawasan di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT). Kesemua mereka tidak bergejala dan semua sampel ulangan bagi mereka telah disahkan negatif.

SITUASI JANGKITAN COVID-19 DI BRUNEI

International Health Regulations (IHR) Focal Point (FP) Brunei telah memaklumkan IHR FP Malaysia mengenai kes yang disahkan COVID-19 dikesan di negara itu. Kes tersebut dilaporkan mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling, Selangor pada 27 Februari 2020 hingga 1 Mac 2020.

Berdasarkan maklumat awal, perhimpunan tabligh ini melibatkan anggaran sejumlah 10,000 orang dari beberapa buah negara termasuk Malaysia. Peserta dari Malaysia adalah dianggarkan melebihi 5,000 orang. Semua Jabatan Kesihatan Negeri sedang menjalankan siasatan lanjut mengenai perkara ini di negeri masing-masing.

NASIHAT KESIHATAN

Berikutan dari kejadian COVID-19 di Brunei, KKM menasihatkan mereka yang telah menghadiri perhimpunan tabligh itu:

- i. sekiranya **mengalami gejala** diminta untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran atau CPRC Negeri di talian yang disertakan dalam **Lampiran 1** atau menghubungi *Virtual Health Advisory* (kolaborasi KKM bersama DoctorOnCall) melalui pautan di laman sesawang KKM, untuk nasihat lanjut. Selain itu, KKM juga telah berkolaborasi dengan BookDoc di mana orang ramai boleh muat turun aplikasi BookDoc melalui *Google Play store* (untuk android sahaja) untuk mendapatkan perkhidmatan “Health Advice” dengan doktor secara percuma melalui chat sahaja. Sentiasa mengamalkan penjagaan kebersihan diri termasuk kerap mencuci tangan dengan cara yang betul, mengamalkan etika batuk dan bersin yang baik serta memakai topeng muka (*face mask*);

DAN

- ii. sekiranya **tidak mengalami gejala** untuk mengamalkan jarak sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain selama 14 hari dari tarikh akhir menghadiri perhimpunan tersebut.

KKM menyeru agar semua yang telah menghadiri perhimpunan ini memberi kerjasama kepada pihak KKM bagi memastikan jangkitan COVID-19 tidak terus merebak dalam komuniti.

KKM juga ingin menggesa agar:

- i. semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (mass gathering) ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku;

- ii. sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan, dinasihatkan agar tidak menghadiri program yang melibatkan orang ramai atau tempat yang padat termasuk aktiviti keagamaan;
- iii. individu yang bergejala dinasihatkan agar menjarakkan diri (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu meter bila berhadapan dengan individu lain;
- iv. orang ramai tidak melancong ke negara-negara yang sedang mengalami wabak jangkitan COVID-19; dan
- v. rakyat Malaysia yang mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan tidak melawat kawasan-kawasan lain di Malaysia semasa cuti sekolah.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan COVID-19 ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO dan IHR FP dari negara-negara lain. Orang ramai akan dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya dari semasa ke semasa. Justeru, orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai COVID-19 melalui laman sesawang KKM. Sekiranya memerlukan penerangan lanjut, sila hubungi Infoline CPRC Kebangsaan melalui:

- No. telefon : 03-8881 0200 / 03-8881 0600
/ 03-8881 0700 yang beroperasi dari
8:00 pagi hingga 5:00 petang; dan
- E-mel : cprc@moh.gov.my

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

11 Mac 2020 @ 5:00 petan

Lampiran 1

CPRC Negeri

Bil	Negeri	Waktu Operasi		No Telefon	Emel
1	Perlis	Isnin - Jumaat	8.00 - 5.00 ptg	04-9766317	cprc.pls@moh.gov.my
		Selepas Waktu Pejabat atau Cuti Umum		019-2780408 019-4001070	
2	Kedah	Ahad - Rabu	8.00 - 5.00 ptg	04-7746081	vektor.kdh@moh.gov.my vektorkedah@moh.gov.my
		Khamis	8.00 - 3.30 ptg	04-7746063	
		Jumaat, Sabtu & Cuti Umum	8.00 - 12.00 tgh	04-7746072	
3	P.Pinang	Isnin - Jumaat	8.00 - 5.00 ptg	04-2629902	epid_penang@moh.gov.my
		Sabtu, Ahad & Cuti Umum	10.00 - 2.00 ptg		
4	Perak	Isnin - Jumaat	8.00 - 5.00 ptg	05-2433962	cprcprk@moh.gov.my
		Sabtu, Ahad & Cuti Umum	10.00 - 2.00 ptg		
5	Selangor	Isnin - Jumaat	8.00 - 5.00 ptg	03-51237251	bgdenggisel@moh.gov.my
		Sabtu, Ahad & Cuti Umum	9.00 - 2.00 ptg	03-51237252	cprc_sel@moh.gov.my
6	JKWPKL	Isnin - Jumaat	7.30 - 5.30 ptg	03-26977710 03-26977730	cprckl@moh.gov.my
		Sabtu, Ahad & Cuti Umum	11.00 - 3.00 ptg	03-26983757	
7	N. Sembilan	Isnin - Jumaat	8.00 - 5.00 ptg	06-7641326	cpbv_ns@moh.gov.my
		Sabtu, Ahad & Cuti Umum	8.00 - 5.00 ptg		
8	Melaka	Isnin - Jumaat	8.00 - 5.00 ptg	06-2883019 06-2345999	cprcmelaka@moh.gov.my
		Sabtu, Ahad & Cuti Umum	10.00 - 2.00 ptg	06-2883019	
9	Johor	Ahad - Rabu	8.00 - 5.00 ptg	07-238 2217	cprcjknj@gmail.com
		Khamis	8.00 - 3.30 ptg	07-236 3305	
10	Pahang	Isnin - Jumaat	9.00 - 5.00 ptg	09-570 7910 09-570 7914 09-570 7909	cprc_pahang@moh.gov.my cdcpahang@moh.gov.my
11	Terengganu	Ahad - Rabu	8.00 - 5.00 ptg	09-619 6269	kpbv.trg@moh.gov.my bgerakan.trg@moh.gov.my
		Khamis	8.00 - 3.30 ptg	09-635 3752	
		Jumaat, Sabtu & Cuti Umum	9.00 - 3.30 ptg		
12	Kelantan	Ahad - Rabu	8.00 - 5.00 ptg	09-747 2089	cprc_kel@moh.gov.my
		Khamis	8.00 - 3.30 ptg		
		Jumaat, Sabtu & Cuti Umum	8.00 - 12.00 tgh		
13	Sabah	Isnin - Jumaat	8.00 - 5.00 ptg	088-219455 088-512531 088-512533	sbhccprc@moh.gov.my

14	Sarawak	Isnin - Jumaat	8.00 - 5.00 ptg	082-443248	cprc_sarawak@moh.gov.my
		Sabtu, Ahad & Cuti Umum	9.00 - 3.00 ptg		
15	WP Labuan	Isnin - Jumaat	8.00 - 5.00 ptg	087-410973 016-9195425	cprclabuan@gmail.com
		Sabtu, Ahad & Cuti Umum	8.00 - 1.00 ptg	016-9195426	